



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### GRADUAN MAMACARE SEDIA KHIDMAT PROFESIONAL PENJAGAAN IBU SELEPAS BERSALIN

**KUALA LUMPUR, 21 Disember** - Seramai 182 graduan MamaCare dari Pusat Bertauliah MamaCare melalui Program Latihan Kapasiti Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare bagi tahun 2019-2021 pada Majlis Graduasi MamaCare kali ke-3 bertempat di Grand Ballroom, Hotel Premiera, Kuala Lumpur.

“Majlis graduasi ini satu penghormatan dan pengiktirafan terhadap profesion penjagaan dan amalan urutan wanita khususnya kepada wanita selepas bersalin. Jika dahulu mereka digelar bidan kampung atau tukang urut, hari ini kerjaya ini telah diangkat sebagai bidang yang menjamin pendapatan dan juga mendapat permintaan yang baik”, ujar Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ketika membuka sidang Graduasi MamaCare LPPKN kali ke-3 di sini.

MamaCare adalah satu produk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam menyediakan program latihan professional urutan kesejahteraan wanita dan urutan tradisional penjagaan ibu selepas bersalin di samping memperkasa keusahawanan sosial dengan keutamaan wanita berpendapatan rendah.

Daripada 182 pengamal MamaCare yang bergraduasi, 9 wanita berjaya dianugerahkan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 MamaCare, 102 daripadanya memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Urutan Terapi dan selebihnya mendapat Sijil Asas MamaCare.

Sejak diperkenalkan pada 2012 sehingga Ogos 2021, seramai 1431 peserta telah diberi peluang untuk mempelajari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang urutan sebagai pengamal MamaCare dan telah memberikan perkhidmatan kepada 390,963 orang klien dengan jumlah pendapatan terkumpul bagi semua pengamal adalah sebanyak RM 51,171,087.37.

Sebagai makluman, Program MamaCare ini telah mendapat pengiktirafan dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Program ini telah terpilih sebagai satu projek inovasi sosial di Challenges of Government Conference di Blavatnik School of Government, Universiti Oxford pada tahun 2016 dan salah satu daripada 5 inovasi sosial terbaik dalam majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara  
NO. 12B, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
21 Disember 2021**